

# Silat pupuk jati diri

**Putrajaya:** Sebanyak 59 pasukan dari institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan dan luar negara akan menyertai Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri 2015 pada 15 hingga 20 September di sebuah pusat beli-belah di Kuantan, Pahang.

Timbalan Naib Canselor Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) Prof Madya Dr Asri Selamat berkata, kejohanan itu diadakan bagi memupuk jati diri generasi muda ke arah pembinaan sahsiah individu.

Beliau berkata, ia juga akan dijadikan platform untuk pemilihan individu yang berpotensi untuk diserap ke dalam pasukan kebangsaan dan menguji prestasi atlet dalam sukan pencak silat.

"Menerusi kejohanan yang bakal diadakan itu akan memberikan banyak pendedahan dan pengala-

man kepada mereka terutamanya yang membabitkan penyertaan pasukan luar negara.

"Pengalaman yang duku- tip itu amat penting kerana ia adalah sebahagian daripada persiapan untuk pasukan pelapis atau atlet kebangsaan menghadapi Sukan Universiti ASEAN (AUG) yang akan diadakan di Singapura tahun depan," katanya pada Majlis Pra Pelancaran dan dang Media Penganjuran Kejohanan Pencak Silat Antarabangsa Piala Timbalan Perdana Menteri 2015, semalam.

Turut hadir, Setiausaha Bahagian Sukan Kementerian Pendidikan Tinggi Hazally Jali.

Kejohanan itu diwujudkan sejak 2010 dan kali ini ia memasuki edisi keenam, antara negara yang turut bertanding adalah Singapura, Indonesia dan Brunei.